

**UUMONLINE:** Penjawat yang baru dilantik diminta supaya menjalankan kerja dengan penuh amanah dan bertanggungjawab bagi memastikan universiti terus maju ke hadapan.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, pihak universiti mempunyai harapan tinggi kepada penjawat yang baru dilantik mahupun yang dilantik semula bagi memikul tanggungjawab yang ditetapkan.

"Saya harap mereka tidak melakukan kerja sambil lewa malahan mereka akan terbabit secara langsung dalam semua perkara," katanya ketika menyampaikan surat lantikan kepada 13 penjawat awam yang baru dan dilantik semula, di sini, hari ini.

Mereka yang dilantik adalah Pengarah Muzium Pengurusan, Mohd. Shuib Abu Bakar, Pengarah U-Press, Datin Dr Minah Harun, Penyelaras Bahasa Inggeris Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Canselori, Ravantharanathe Rao a/l Dasarathan dan Pengarah Pembangunan Kerjaya, HEP UUM COB, Ahmadasri Alaudin.

Lantikan lain ialah Timbalan Pengarah UTLC (Teknikal), Prof Madya Dr Zulikha Jamaluddin, Penyelaras Mod Eksekutif Program Sarjana Muda Komunikasi dan Perhubungan Antarabangsa, Mohd Idzwan Yacob dan Pengarah Alumni UUM COB, Dr Halim Mad Lazim.

Mereka lain ialah Pengarah Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC), Prof Madya Dr Razli Che Razak, Timbalan Pengarah Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC), Dr Adam Dean Tyson, Penyelaras Bahasa Inggeris, Pejabat Naib Canselor, Victor Chan Kok Kian dan Timbalan Pengarah UTLC (Latihan), Dr Ruzlan Md Ali serta Pengerusi Program Bahagian Pengurusan Bakat, Pusat Kerjasama Universiti -Industri (CUIC), Dr Nor Idayu Mahat

Dalam majlis yang sama, Ketua Pusat Tanggungjawab serta persatuan akademik dan staf juga menerima sumbangan buah kurma dari Naib Canselor dan isteri.

=====  
DARIPADA:  
SEKSYEN MEDIA  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078  
FAKS: 04-928 3016  
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my